

Teaching & Learning

Edition 2012

PUSAT INOVASI
PEMBELAJARAN
& PENGAJARAN

Newsletter

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA



Mesyuarat MAGNETIC

INSIDE THIS Issue

3

Pengajaran dan Pembelajaran Secara
Mod Blended: Satu pengalaman

8

The structural design of
a curriculum: A critical
assessment

11

USIM Mencapai
TIER 5 (Cemerlang)
Dalam SETARA'11

13

Berita PIPP

19

Laporan Aktiviti Penganjuran
Bengkel/Kursus/Latihan

"It's not what is poured into a student that counts, but what is planted" — Linda Conway



Pena Ketua **EDITOR**

Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Syukur Alhamdulillah kerana dengan izin serta limpah kurnia-Nya, Pusat Inovasi Pembelajaran dan Pengajaran telah berjaya menghasilkan Buletin PIPP julung kalinya pada tahun ini.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada warga sidang editor yang telah mengembleng tenaga, usaha dan fikiran untuk menerbitkan buletin ini. Seperti yang kita sedia maklum, pengurusan Tertinggi Universiti amat menitikberatkan usaha ke arah memperkukuhkan pembangunan staf USIM terutamanya dalam hal yang berkaitan dengan pembelajaran dan pengajaran seiring dengan aspirasi kerajaan untuk menghasilkan modal insan yang kompeten, berpengetahuan dan berahklak mulia. Justeru, Pusat Inovasi Pembelajaran dan Pengajaran (PIPP) telah dibentuk pada 01 Januari 2010 hasil penjenamaan semula Pusat Pengembangan Akademik (PPA) yang ditubuhkan pada 1 Ogos 2008. Sekaligus dengan pembentukan PIPP, fungsi dan peranan PPA asal untuk meningkatkan dan menjamin kualiti akademik ke arah menjadikan USIM Pusat Ilmu Terpilih telah diperluaskan merangkumi aspek perancangan, pembangunan dan penstrukturan strategik, peningkatan dan pembangunan berterusan profesionalisme akademik (Academician-Continous Profesional Development (A-CPD)).

Buletin PIPP 2012

REDAKSI

Penaung

Profesor Dato' Dr. Musa Ahmad
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Penasihat/Ketua Editor

Dr. Che Wan Zanariah Che Wan Ngah
Pengarah
Pusat Inovasi Pembelajaran dan Pengajaran

Editor

Dr. Siti Nurazira Mohd Daud
En. Marwan Tahir
Cik Farhan Mustafa

Pembantu Editor

Pn. Sharifah Norashikin Syed Mahmud

Penerbitan

En. Muin Yahaya

Wartawan

Pn. Rozilah Razali
Pn. Siti Hajar Ramli

Grafik dan Photo

En. Mohd Azhan Che Chik

Edaran

Pn. Noor Azren Abd Malek

Bagi melaksanakan fungsi dan peranan yang telah digariskan, pelbagai program latihan yang relevan sejajar perkembangan terkini dunia akademik telah dijalankan dan diharapkan hal ini telah dapat dimanfaatkan oleh ahli akademik khususnya serta seluruh warga USIM amnya. Berbekalkan komitmen staf PIPP serta sokongan padu semua pihak yang terdiri daripada penceramah, fasilitator, kakitangan akademik serta pihak pentadbiran USIM, maka penerbitan sulung Buletin PIPP 2012 ini telah dapat direalisasikan.

Tahniah dan terima kasih diucapkan kepada seluruh warga PIPP yang sentiasa bersedia serta komited dalam memikul tanggungjawab yang diamanahkan. Warga PIPP merupakan aset utama ke arah pembentukan kejayaan PIPP dalam mencurahkan tenaga serta buah fikiran tanpa mengira masa. Begitu juga kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau sebaliknya dalam menjayakan program latihan PIPP dari awal penubuhannya sehingga 2012. Saya merasa amat berbesar hati di atas sumbangan semua pihak dalam menjayakan fungsi dan peranan PIPP. Semoga usaha ini dapat ditingkatkan dan semoga sentiasa konsisten dalam merealisasikan moto, falsafah, visi dan misi USIM tercinta. Semoga usaha murni ini dapat diteruskan pada masa yang akan datang.

Dr. Che Wan Zanariah Che Wan Ngah

Pengarah

Pusat Inovasi Pembelajaran dan Pengajaran (PIPP)

Pengajaran dan Pembelajaran

SECARA MOD BLENDED MELALUI SISTEM GOALS DI USIM : SATU PENGALAMAN

Siti Suriani Othman

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan,
USIM


Pengenalan

E-learning atau kaedah pengajaran dan pembelajaran (P&P) secara elektronik kini menjadi salah satu cabang yang semakin popular dalam meningkatkan keaktifan pelajar dalam sesuatu mata pelajaran. Kaedah e-learning ini merangkumi apa sahaja sokongan P&P secara maya seperti web-based learning, computer-based learning, pendidikan virtual dan kolaborasi digital.

Kaedah ini mula dikenali di Barat yang terdesak dari segi kecukupan dana untuk membayar guru-guru di peringkat menengah untuk mengajar secara bersemuka di kawasan-kawasan pedalaman. Di kawasan-kawasan ini, P&P secara *online* dijadikan alternatif bagi membantu memastikan kelestarian pengajaran, di samping mewujudkan beberapa kelas secara bersemuka. Hari ini, e-learning cukup popular di universiti dan sekolah peringkat rendah dan menengah seperti di United Kingdom, Amerika dan Australia.

Aplikasi kemudahan elektronik ini berlaku di negara-negara ini apabila wujudnya integrasi antara kaedah P&P secara bersemuka dan *online*. Maka, disinilah wujud apa yang dipanggil sebagai *blended learning* atau juga dikenali sebagai 'integrative learning', 'hybrid learning' atau 'multi-method learning'. Asas bagi kaedah P&P ini ialah berlakunya kepelbagaian dalam proses P&P, yang merangkumi bukan hanya dalam bentuk pengkuliah (jika di peringkat universiti), malah pembelajaran melalui pelbagai kemudahan elektronik dari internet serta teknologi pembentangan dan perbincangan yang canggih, yang membuka lebih ruang dan kreativiti pelajar untuk belajar dan mengulang-kaji tanpa kebergantungan yang tinggi kepada guru atau pensyarah. Umumnya, *blended learning* sebagaimana didefinisikan oleh Dr Aleksej Heinze dalam tesis PhDnya bertajuk *Blended Learning: An Interpretive Action Research Study* yang ditulis di University of Salford, Manchester merujuk kepada pembelajaran yang berlaku melalui kombinasi komponena seperti pembelajaran secara bersemuka, e-learning dan pembelajaran sendiri.

Antara kepentingan meluaskan ruang P&P secara *blended learning* ini adalah untuk menyediakan sokongan tutorial kepada pelajar dan membantu pelajar mengatasi masalah akademik yang mereka hadapi dalam keadaan yang lebih fleksibel. Melalui ruang maya, pelajar boleh berhubung dengan pensyarah hampir pada bila-bila masa. Kekuatan dan cabaran yang diwujudkan, akan dibincangkan selanjutnya dalam penulisan ini. Namun, sebelum itu, kita teruskan dengan gambaran ringkas aplikasi P&P



Rajah 1: Komponen dalam *blended learning* atau kaedah P&P yang merangkumi pelbagai kaedah termasuk secara bersemuka, online dan pembelajaran sendiri.

blended learning di Malaysia dan pengalaman saya dibincangkan dalam konteks kekuatan dan cabaran kaedah ini dalam dua mata pelajaran di peringkat sarjana muda dan sarjana di USIM.

Blended Learning di Malaysia

Di Malaysia, pengamalan kaedah P&P secara mod blended secara ekstensif boleh diambil



daripada pengalaman Open University Malaysia (OUM) dan beberapa universiti lain seperti Multimedia University (MMU), University Tun Abdul Razak (UNITAR), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan yang terbaru Wawasan University (WOU). Dalam konteks Malaysia, OUM adalah universiti pertama yang meraikan dan menggabungkan P&P secara bersemuka dan maya secara lebih komprehensif. Dirasmikan pada 26 Ogos 2002, OUM hari ini diiktiraf sebagai universiti pertama di Malaysia yang bersifat 'terbuka kepada semua' dan bersifat

jarak jauh. Kaedah yang diterap bersifat jarak jauh itu disokong oleh kaedah P&P secara *online*, yang selaras dengan visi universiti iaitu "To be the Leading Provider of Flexible Learning".

Sungguhpun kewujudan dan pendekatan OUM ini tidak tanpa kritikan yang boleh dibaca dalam penulisan-penulisan lain berkenaan kelemahan sistem P&P di OUM dan universiti seumpamanya, namun indikasi penting dari visi universiti ini boleh diambil daripada perkataan 'Fleksibel' yang jelas menggambarkan kemudahan ruang maya yang wujud boleh dikaitkan dengan aplikasi teknologi online yang pastinya dilihat lebih berkesan melalui gabungan kaedah P&P secara blended. Tulisan Profesor Tan Sri Datuk Dr Anuwar Ali, Naib Canselor OUM yang bertajuk *Issues and Challenges in Implementing E-Learning in Malaysia* lebih menggambar sisi OUM yang berfungsi sebagai pusat e-learning untuk semua, tetapi di bahagian cadangan kertas itu, beliau jelas menyatakan keperluan *blended learning* sebagai salah satu cara mengatasi kelemahan sistem e-learning sedia ada. Perubahan ini, katanya Profesor Tan Sri, adalah perlu sebagai respond kepada tempoh transisi antara kaedah P&P tradisional dan e-learning yang sedang berlaku. Walaupun tidak dinyatakan bila OUM mula menitikberatkan kaedah blended learning serta sejauh mana ia telah digunakan dalam sistem P&Pnya, Profesor Tan Sri ada menyatakan "OUM telah mengambil inisiatif untuk memperkenalkan pedagogi blended kepada pelajar-pelajarnya [dan] ia terbukti cara pengajaran yang berkesan jika dilihat daripada popularitinya [OUM] di kalangan pelajar-pelajarnya". Kejayaan ini, boleh dilihat sebagai salah satu faktor yang turut menggerakkan universiti-universiti lain di Malaysia untuk turut sama ke arah *blended learning*, sebagaimana di USIM sendiri.

Blended Learning di USIM

Di USIM, saya melihat aplikasi kaedah blended learning adalah masih baru, namun usaha ke arah mewujudkan lebih banyak ruang maya untuk mengaktifkan pelajar telah lama dilaksanakan. Misalnya, sistem MyLMS versi 4.0


(yang juga digunakan oleh universiti-universiti lain di dunia), telah diamalkan di USIM sejak 21 Julai 2008 lagi. Saya sendiri tidak sempat menggunakan sistem ini kerana ketika ini sedang melanjutkan pelajaran di luar negara, namun sekembalinya saya pada akhir tahun 2011, USIM telah mula bergerak ke arah penggunaan sistem GOALS (Global Open Access Learning System) yang bertujuan mengatasi masalah MyLMS seperti ketiadaan dokumentasi yang lengkap untuk tujuan pembangunan perisian untuk menambah baik atau mengubah kod atur cara, perisian hak milik (propriety) dan vendor lock-in. Kelebihan penggunaan GOALS pula merangkumi :

- i. Sistem P&P kini berasaskan perisian sumber terbuka (open source).
- ii. Tiada kos penggunaan dikenakan, ia adalah percuma termasuk untuk kemaskini ke versi GOALS yang terkini.
- iii. Mempunyai komuniti pembangun dan pengguna yang besar.
- iv. Membolehkan masalah dan ralat diatasi dengan mudah dan boleh dicapai melalui forum komuniti Moodle.
- v. Menyediakan modul untuk forum, wiki, kuiz, blog, menyokong format 'scorm' dan sebagainya.
- vi. Moodle telah diuji dari segi pedagogi dan digunakan oleh ribuan universiti di seluruh dunia terutamanya yang menawarkan pengajaran jarak jauh.

Sempat satu semester menggunakan sistem GOALS ini, saya melihat usaha ke arah meningkatkan kolaborasi antara P&P secara bermuka dan online lebih rancak berlaku, dan ia dilaksanakan dengan lebih sistematik lagi apabila pada Februari 2012, apabila USIM mula mengorak langkah ke arah pengamalan P&P secara mod blended daripada sistem GOALS

yang sedia diamalkan. Satu taklimat khusus telah dianjurkan oleh Pusat Pembelajaran Akses Terbuka Global (GOAL Centre) USIM dengan memanggil lebih kurang 30 pensyarah dan tutor yang aktif menggunakan sistem ini pada semester sebelumnya untuk dijadikan perintis kepada program *mod blended* ini yang bertujuan membuka lebih ruang P&P bagi setiap pelajar USIM dan membudayakan ilmu dari integrasi pendekatan tradisional dan *online*.

Antara KPI yang cuba dicapai untuk pengamalan P&P secara *mod blended learning* di USIM yang merangkumi sembilan modul termasuklah (1) membuat pengumuman sekurang-kurangnya empat kali satu semester, (2) memuatnaik satu *outline* pengajaran subjek untuk semester yang tersebut, (3) mewujudkan forum maya sekurang-kurangnya empat yang disertai oleh pelajar-pelajar, (4) menghasilkan



Gambar 1: Subjek Pemberitaan dan Penulisan Rencana dalam GOALS.

sekurang-kurangnya satu objek pembelajaran secara online (learning object atau e-content), (5) memuatnaik sekurang-kurangnya 30 bahan pengajaran dalam bentuk PDF, Word, Audio Clip, Video Clip dan lain-lain, (6) melaksanakan sekurang-kurangnya tiga kuiz secara online, (7) menulis sekurang-kurangnya empat Notes kepada pelajar, (8) menggunakan kemudahan

chatting sekurang-kurangnya 10% daripada jumlah pelajar setiap kursus, dan (9) menggunakan kemudahan *private message* sekurang-kurangnya 10 peratus daripada jumlah pelajar setiap kursus.

KPI yang dicadangkan ini, sungguhpun meraih beberapa persoalan daripada pensyarah yang terlibat dari segi keperluan, keberkesanan dan keupayaan teknologi bagi setiap individu pensyarah bagi setiap modul, perlu dilihat sebagai usaha awal USIM ke arah memperkenalkan *blended learning* secara bersistem. Daripada pengalaman saya sebagai salah seorang pensyarah perintis program ini, saya gariskan beberapa kelebihan dan cabaran di kedua-dua belah pihak pelajar dan pensyarah dari segi keberkesanan kaedah ini. Di pihak pelajar, ianya ditimbulkan oleh pelajar-pelajar daripada dua kursus yang saya jadikan kelas perintis bagi mod blended ini iaitu kursus Pemberitaan dan Penulisan Rencana yang ditawarkan kepada pelajar Tahun 3 Jurusan Sarjana Muda Komunikasi, serta Jurusan Bahasa Arab dan Komunikasi, serta kursus Etika dan Undang-undang dalam Komunikasi di peringkat sarjana.

Kekuatan mod blended bagi semester II 2011/2012 untuk dua subjek yang dilaksanakan adalah seperti yang ditunjukkan dalam **Jadual 1**.

Kelebihan *blended learning* juga dipersetujui oleh pengkaji-pengkaji dalam bidang ini seperti

Andrew Kitchenham dari University of Northern British Columbia di Kanada yang melihat kelebihan utama kaedah ini ialah fleksibilitinya dari segi mengajar kumpulan pelajar yang besar dan keberkesanan dari segi kos pengajaran. Selain itu, satu kajian lain yang dijalankan oleh Tom Boyle, Pengarah Learning Technology Research Institute (LTRI) di London Metropolitan University yang terbit dalam *Journal of Educational Media* pada 2003 mendapati pelajar-pelajar prasiswazah di universiti tersebut: 63% daripada responden mendapati kaedah ini sebagai 'berguna', 45% responden mendapati keberkesanan kaedah berlaku dalam bentuk pengajaran di makmal, 36% dalam kuliah dan 29% pengajaran yang bersifat dibantu oleh teks.

Kelemahan kaedah ini pula, berdasarkan pengalaman peribadi saya terdiri daripada:

Kelemahan pertama yang disenaraikan dalam Jadual 2 ini turut didapati sebagai masalah utama dalam aplikasi mod blended dalam kajian Hisyam Dzakaria, Che Su Mustaffa dan Hassan A. Bakar bertajuk *Moving Forward with Blended Learning (BL) as a Pedagogical Alternative to Traditional Classroom Learning* yang terbit dalam *Malaysian Online Journal of Instructional Technology* pada 2006. Kajian yang dijalankan di Universiti Utara Malaysia (UUM) di kalangan pelajar pasca siswazah ini mendapati memang pelajar mengharapkan mereka mendapat respond segera daripada pensyarah tetapi itu

Bil. Kekuatan Mod Blended

1. Pelajar boleh *online* pada bila-bila masa dan boleh berhubung dengan pensyarah hampir tiada had masa dan ruang.
2. Pengumuman senang dilakukan oleh pensyarah terutama bagi kelas yang mempunyai bilangan pelajar yang besar. Pensyarah tidak perlu menghubungi setiap wakil kelas untuk menyebarkan sesuatu berita.
3. Pelajar yang malu bertanya dalam kelas boleh bertanya sebarang kekeliruan di GOALS.
4. Subjek bersifat text-based seperti Pemberitaan dan Penulisan Rencana amat mendapat faedah dari segi penghantaran hasil kerja, komen dari pensyarah dan membuat pembetulan secara maya.
5. Pelajar yang tertinggal kuliah boleh memuat turun nota dalam bentuk Powerpoint tanpa had masa, serta merujuk kembali kepada perbincangan yang dibuat di forum maya pada bila-bila masa.
6. Sesi chatting juga amat berguna bagi minggu pengajaran yang bersifat text-based bagi subjek Etika dan Undang-undang dalam Komunikasi di mana pelajar-pelajar sarjana perlu menghasilkan abstrak untuk persidangan, disemak terus oleh pensyarah secara online, dan abstrak terus dihantar ke jawatankuasa persidangan pada hari yang sama. Semuanya dibuat dalam tempoh 3 jam kelas online secara chatting di GOALS.

Jadual 1: Kekuatan Kaedah P&P secara Mod Blended di USIM.

tidak menjadi kenyataan. Malah, ada yang dilaporkan mendapat balasan terlalu lambat dari pensyarah, yang mana, seorang lagi responden menyatakan keadaan ini boleh memudaratkan prestasi pengajiannya. Hal ini menunjukkan perlunya kedua-dua belah pihak, pensyarah dan pelajar perlu diaktifkan bagi memastikan kaedah *blended learning* memberi faedah yang diharapkan kepada pelajar yang mempunyai inisiatif menggunakan teknologi yang disarankan.

Kesimpulan

Diharapkan perbincangan ini telah sedikit sebanyak menyediakan asas bagi perbincangan selanjutnya berkenaan dengan *blended learning* di USIM dan universiti-universiti lain di Malaysia. Sungguhpun kaedah ini mempunyai baik dan buruknya sebagaimana yang telah dibentangkan, usaha ini perlu dilihat sebagai satu usaha ke arah memudahkan proses P&P di pihak pensyarah itu sendiri, di samping sekali gus mengaktifkan pelajar dalam sesuatu subjek itu serta menjadi lebih proaktif dalam proses pembelajaran sendiri. Perkara ini perlu dilihat penting, kerana pelajar-pelajar di peringkat universiti perlu menjadi kreatif dan mula merasakan kaedah pengajaran secara tradisional semata-mata dan bersifat *spoon feeding* bukanlah kaedah terbaik bagi menghasilkan graduan yang bernilai tinggi. Di

peringkat pensyarah sendiri, saranan Hisyam Dzakaria dan kumpulan pengkajinya supaya pensyarah mengambil inisiatif untuk melengkapkan diri dengan teknologi pengajaran yang berkesan amat perlu diambil berat kerana jika pensyarah tidak mempunyai ilmu yang cukup, ia boleh menjadi sebab kepada kegagalan kaedah yang amat bergantung kepada teknologi ini.

Namun, apa yang berlaku di kedua-dua belah pihak pelajar dan pensyarah ini tidak ganjil kerana kaedah *blended learning* ini masih di peringkat permulaan, sebagaimana di USIM sendiri. Di kalangan pendokong pendekatan *blended learning*, mereka mendapati transisi antara P&P tradisional ke *blended learning* perlu dilakukan secara beransur-ansur kerana ditakuti boleh mengganggu proses P&P pelajar dan tempoh adopsi teknologi di kalangan pensyarah. Di USIM, beginilah pendekatan yang telah diambil bagi merealisasikan usaha ini, iaitu dengan melibatkan sekumpulan kecil pensyarah yang dilihat bersedia untuk mengaplikasi perubahan ini serta tidak mewajibkan transformasi secara mendadak.

*Penulis ingin mengucapkan penghargaan kepada GOALS Centre, USIM kerana membantu dari segi pengisian maklumat berkenaan sejarah penggunaan MyLMS dan GOALS di USIM.

Bil. Kekuatan Mod Blended	
1.	Pelajar yang bertanya secara email atau mesej melalui GOALS selalu mengharapkan jawapan spontan daripada pensyarah dan ini tidak tercapai sepanjang masa.
2.	Pelajar yang lemah tidak dapat mengikuti proses pembelajaran secara sendiri di mana empat kuliah dalam satu semester boleh dibuat secara online.
3.	Pelajar yang tidak online tidak dapat dipantau pensyarah, sebagaimana kedatangan boleh diambil dalam pengkuliah secara bersemuka. Golongan ini, jika terdiri daripada kumpulan yang lemah boleh tertinggal daripada pelajaran dan masih memerlukan pengkuliah bersemuka dengan lebih kerap.
4.	Di pihak pensyarah, pensyarah perlu memastikan diri dengan pengetahuan teknologi untuk membolehkan operasi GOALS dibuat dan bahan-bahan pengajaran dapat dimuatnaik secara bersistem dan dapat dimuatturun oleh pelajar tanpa sebarang masalah.
5.	Pensyarah juga perlu meluangkan lebih banyak masa secara online untuk mengurangkan masalah pelajar yang mengharapkan jawapan segera dari pensyarah.

Jadual 2: Kelemahan Kaedah P&P secara Mod Blended di USIM

The Structural Design of A Curriculum : **A CRITICAL ASSESSMENT**

Dr. Qais Faryadi

Faculty of Science and Technology
Department of Computer Science
Universiti Sains Islam Malaysia, USIM

INTRODUCTION

History has seen educators and curriculum designers having had difficulty in coming to a mutual understanding about the hows, whys and wherefores of an effective curriculum (Wallin, 2011). Indeed, it cannot be denied that the development of an effective curriculum development is a challenging process. Nevertheless, the common consensus among educators is that there has been a significant change in the perception of a workable curriculum design. From being merely a basic syllabus, an effective curriculum should also outline effective techniques of delivering knowledge to students (Beyer et al., 1998). Designing a workable and a feasible curriculum is vital to the successful implementation of educational goals (Faryadi, 2010). The curriculum is the backbone of any teaching and learning environment. Hence, without a well-designed curriculum, it would be difficult for an institution of learning to function effectively.

WHAT IS A CURRICULUM?

The origin of curriculum can be traced back to ancient Greece, when it was referred to as *currere*. Interestingly, in Latin, curriculum means to run a course or to race. A curriculum can be perceived as providing a logically planned and guided learning environment, akin to a well-planned roadmap to the delivery of knowledge. Unfortunately, many members of the public still associate curriculum with a syllabus, textbook, teacher, guide or even a concise learning package. Scholars and educators, on the other hand, view the curriculum as a set of workable activities, long-term educational plan with specific intentions and outputs (Wiles, 2008). Curriculum developers view the curriculum as a process

whereby attention is focused on the designing of conducive learning conditions (Macken, 2011).

One of the primary objectives of an effective curriculum is to discipline learners to think creatively as well as act meaningfully (File, 2011). Curriculum planners should therefore, strive to relate students' experience to educational tasks so learning becomes more meaningful, and hence more effective. This view of the curriculum is also shared by Wiles (2008), who explains that the curriculum is a set of well-planned learning guide with the primary goal of providing meaningful learning opportunities to students. The curriculum should help the teacher identify the targets of learners in a specific field of study. Curriculum designers are not only concerned with what students do in the school but more importantly, what students ultimately learn as they go through the planned curriculum (Remillard, 2011). Tanner, (1995) defines curriculum as a set of courses, coursework, and their content, offered at a school or university. As such, a curriculum is a critically planned framework to restructure learners' knowledge and experience into a measurable outcome. It is a plan that consists of learning opportunities for a specific period and place, a tool that aims to bring about behavior changes in students because of planned activities and includes all learning experiences received by students with the guidance of the school.

HOW TO DESIGN A CURRICULUM

Knowing the concept and structural design of a curriculum are vital to teachers and educational institutions as they prepare themselves for crucial changes taking place now and in the future. These

changes may be socio-economic, political, technological and more importantly, environmental. Only then, can they apply relevant and the most up to date techniques and methodologies to create a workable curriculum. Knowing what constitutes an effective curriculum also helps them to relate the contents of their subject to their localized setting. As such, a good curriculum implies learning activities are pre-planned; what and how to achieve the results are spelled out explicitly in the curriculum.

When developing a curriculum, one must think of what the learners are going to do and how they will be facilitated in the learning process. The curriculum should always show learners how to learn rather than tell them how to learn. The curriculum should show students where exactly they are heading and how to reach the desired destination (Lam, 2011). A good curriculum designer makes concepts clearer to learners by giving them examples from their everyday activities so that learning becomes more relevant and meaningful. Hence, the students become more engaged in their learning tasks and are confident of achieving success in their educational endeavors.

CHARACTERISTICS OF A GOOD CURRICULUM

1. A feasibility study must be conducted by a learned committee or individuals who have in depth knowledge of the subject matter. The committee must not only understand the problems facing learners, but they must also describe the problems in an explicit manner (DeSchenes, 1994).
2. The objectives, missions and goals must be clearly stated.
3. Supervisors, administrators and teachers must support the curriculum.
4. A committee should be established to review, develop and oversee the implementation of the curriculum.
5. Specific subject areas of the curriculum must be determined by the committee.
6. The curriculum must be supported financially by the government.
7. The quality of the curriculum should be monitored.
8. The curriculum must be tested in the classroom to

determine its effectiveness.

9. Parents, guardians and students should be encouraged to give suggestions and feedback.
10. The Education Ministry must review and evaluate the final product.

A. Checklist for Teachers to help design a Curriculum

Since the curriculum is a goal-oriented product for a specific purpose or target, it should provide opportunities for learners to accomplish specific goals and objectives. Here are some questions to help design a good curriculum:

1. What do you expect your students to know? What activities do you want your students to perform? How many activities do you plan to include in your curriculum? How much is too much?
2. How much time is allocated for each activity to be completed by the students? How much time is given to an individual or group to finish a given activity?
3. How do you help a student who cannot finish a given skill on time? Do you create a zone of proximal development?
4. How do you deliver your curriculum? Do you give more examples, use visual aids, provide hands on activities, ask students to brainstorm, use concepts, avoid facts and encourage learners to learn cooperatively?
5. What level of skills is included in your curriculum? How do you guide learners to accomplish an activity meaningfully?
6. How do you prefer to communicate with your students? Verbally or let them write their answers?
7. How do your students participate in class? Do you give autonomy to your students to express themselves or use the one size fits all method?

Requisites for Curriculum Development

According to Dr. Sutapa Bose (2012), the following are some vital issues to consider when developing a curriculum:

(<http://www.youtube.com/watch?v=SQbdbSbu95E>)

1. The curriculum designer must take into consideration the individual needs of the target group. The age, nature of discipline, practical indoor and outdoor activities, experience and interests of the learners must be given priority.
2. The curriculum must take into account the social forces, cultural heritage, philosophy, history and politics that can affect the curriculum development process
3. The curriculum developer should also consider the resources of the institution and avoid information overload.
4. When developing the curriculum, the designer must understand the implications of social and legal aspects of the curriculum.
5. Institutional consideration, teachers' capabilities, current trends and globalization must also be taken into account.
6. Integration of knowledge is vital in developing a curriculum. One must start the lessons from the concrete to the abstract in order to help learners learn effectively. The developer should use the concept of student-centered methodology in the classroom.

Therefore, to develop a workable and a practical curriculum one must understand how learning takes shape. Educators should observe their students' pattern of behavior and then create a model of learning for them. These important steps help educators to design an appropriate curriculum for their learners. The curriculum must contain different types of activities. If the activity is new, it stimulates the brain to experience new skills.

CONCLUSION

As stated earlier, the curriculum is the backbone of any teaching and learning environment. Without a proper curriculum, it is difficult to gauge where students are heading. The concept of the curriculum is not new. It is almost a century old. Curriculum designers must empathize with learners and anticipate their needs. The curriculum cannot be presented to students as a finished abstraction. In fact the curriculum must consider learners' point of view about learning. Learners' behavior such as constructive, artistic, expressive, problem solving as well as critical thinking

must be kept in mind during curriculum development (Jayson 2011).

REFERENCES

- Beyer, L. and Apple, M. (1998). *Curriculum Theory: Conflicting Visions and Enduring Concerns*. State University of New York Press, Albany.
- DeSchenes, C., Ebeling, D., & Sprague, J. (1994). *Adapting Curriculum & Instruction in Inclusive Classrooms: A Teachers Desk Reference*. ISDDCSCI Publication.
- Faryadi, Q. (2010). *Developing an Effective Interactive Multimedia Instructional Design to Teach Arabic as a Foreign Language*. Al-Mehrab e-Publisher, Kuala Lumpur, Malaysia.
- File, N. Ed.; Mueller, J.J., Ed.; Wisneski, D. Basler, Ed. (2011). *Curriculum in Early Childhood Education: Re-Examined, Rediscovered, Renewed*, Routledge, Taylor & Francis Group.
- Jayson, S; Nelsen, Peter J. (2011). *An Overburdened Term: Dewey's Concept of "Experience" as Curriculum Theory, Education and Culture*, v27 n1 Article 4.
- Lam, T. John, (2011). *Deliberation and School-Based Curriculum Development—A Hong Kong Case Study*. *New Horizons in Education*, v59 n2 p69-82.
- Macken, H., M., (2011). *Building a Knowledge Structure for English: Reflections on the Challenges of Coherence, Cumulative Learning, Portability and Face Validity*. *Australian Journal of Education*, v55 n3 p197-213.
- Remillard, J. T., Ed.; Herbel-E, Beth A., Ed.; Lloyd, G. M., Ed. (2011). *Mathematics Teachers at Work: Connecting Curriculum Materials and Classroom Instruction*. Studies in Mathematical Thinking and Learning Series. Routledge, Taylor & Francis Group
- Tanner, D., and Tanner, L. (1995). *Curriculum Development: Theory into Practice* (3rd ed.). Englewood Cliffs, NJ: Merrill.
- Wiles, J and Bondi, J, (2008) *Curriculum Development: A Guide To Practice*. Seventh Edition, Upper Saddle River, New Jersey.
- Wallin, Jason J. (2011). *What Is Curriculum? Theorizing": For a People yet to Come*. *Studies in Philosophy and Education*, v30 n3 p285-301

USIM MENCAPAI TIER 5 (CEMERLANG) DALAM SETARA'11

1 November 2012 - Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mengumumkan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah berjaya mencapai tahap Tier 5 - Cemerlang dalam Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia 2011 (SETARA'11) yang telah dilaksanakan oleh satu jawatankuasa yang dilantik oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi mengukur kualiti pengajaran dan



pembelajaran pada tahap enam Kerangka Kelayakan Malaysia (peringkat Ijazah Pertama) bagi universiti dan kolej universiti di Malaysia.

Pencapaian USIM dalam SETARA'11 dengan TIER 5 amat membanggakan kerana meningkat satu tahap berbanding dalam SETARA'09 yang mencapai TIER 4. Instrumen SETARA'11 meliputi tiga domain generik iaitu, proses dan output untuk menilai kualiti pengajaran dan pembelajaran. Domain input menilai bakat, sumber dan governan. Domain proses menumpukan kepada kurikulum dan domain output ke atas kualiti graduan dan kepuasan graduan terhadap institusi pengajian tinggi. Struktur keseluruhan instrumen boleh diakses di <http://www.mqa.gov.my/SETARA11>.



Mesyuarat Magnetic

Mesyuarat Majlis Kerjasama Ketua-Ketua Pusat Pengajaran dan Pembelajaran IPTA Malaysia (Malaysia Higher Teaching and Learning Council [MAGNETIC]) Kali Ke-19 Bil.3/2012 telah diadakan pada 18 dan 19 Julai 2012 (Rabu dan Khamis) bertempat di Dewan Senat, Aras 3, Bangunan Canselori USIM.

Semua ahli mesyuarat dan para tetamu juga telah diraikan pada Majlis Makan Malam MAGNETIC pada malam 18 Julai 2012 bertempat di Nilai Springs Resort.





Berita PIPP

2 STAF PIPP MENERIMA PENGANUGERAHAN DALAM MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN DAN INOVASI TAHUN 2011 USIM

25 Mei 2012 - 2 orang kakitangan Pusat Inovasi Pembelajaran dan Pengajaran yang terdiri daripada kakitangan Akademik dan pentadbiran telahpun berjaya meraih Anugerah Kecemerlangan dan Inovasi Tahun 2011. Majlis yang dirasmikan oleh Y. Bhg. Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin,

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Universiti Sains Islam Malaysia telahpun berlangsung dengan jayanya di Dewan Kuliah Pusat 3.

Berikut adalah senarai penerima anugerah kecemerlangan:

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG
Pn. Sharifah Norashikin Syed Mahmud
Setiasuaha Pengarah PIPP

ANUGERAH KHAS JURI (PENERBITAN)
(Kategori Karya Asli Terbaik - Makalah)
Kluster Sains Sosial:
Dr. Siti Nurazira Mohd Daud
Penyelaras (Unit Kelayakan dan Pengiktirafan)
PIPP

STAF CONTOH PUSAT INOVASI PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN 2012



Cik Farhan Mustafa
Penolong Pendaftar (Unit
Kelayakan dan Pengiktirafan)
Bulan Januari hingga Mac 2012



**Pn. Sharifah Norashikin
Syed Mahmud**
Setiasuaha Pejabat
Bulan April hingga Jun 2012



Cik Farhan Mustafa
Penolong Pendaftar (Unit
Kelayakan dan Pengiktirafan)
Bulan Julai hingga September
2012



Pn. Rozilah Razali
Pembantu Tadbir (Unit
Pembelajaran dan Pengajaran)
Bulan Oktober hingga
Disember 2012

PERTUKARAN STAF

Berkuatkuasa pada 1 September 2012 pertukaran di antara Tn Hj Mazlan Nawang, Timbalan Pendaftar PIPP ke Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Fasiliti (JPPF) dengan En Muin Yahaya, Penolong Pendaftar JPPF ke PIPP.



TN HJ MAZLAN NAWANG
dari PIPP ke JPPF



ENCIK MUIN YAHAYA
dari JPPF ke PIPP

الكلامي

إعداد: الدكتورة أسماء عبد الرحمن والأستاذ داتو الدكتور محمد حاج إلياس

مقدمة:

اللغة في الأساس، هي الكلام، أما الكتابة فهي محاولة لتمثيل الكلام، والدليل على ذلك ما يلي (انظر دليل عمل في إعداد المواد التعليمية لبرامج تعليم اللغة للدكتور رشدي طعيمة وكامل الناقة):

- 1- عرف الإنسان الكلام قبل أن يعرف الكتابة بزمن طويل، حيث ظهرت الكتابة في فترة متأخرة من تاريخ الإنسان.
 - 2- يتعلم الطفل الكلام قبل أن يأخذ في تعلم الكتابة، التي يبدأ في تعلمها عند دخول المدرسة.
 - 3- جميع الناس الأسوياء، يتحدثون لغاتهم الأم بطلاقة، ويوجد عدد كبير من الناس لا يعرفون الكتابة في لغاتهم .
 - 4- هناك بعض اللغات ما زالت منطوقة غير مكتوبة.
- وبناء على ما تقدم من أسباب، ينبغي أن نجعل من تعليم الكلام أحد أهم الأهداف في تعليم اللغة العربية.

أهمية تعليم مهارة الكلام :

الكلام من المهارات الأساسية، التي يسعى الطالب إلى إتقانها في اللغات الأجنبية. ولقد اشتدت الحاجة إلى هذه المهارة في الفترة الأخيرة، عندما زادت أهمية الاتصال الشفهي بين الناس. ومن الضرورة التمكن من هذه اللغة العربية عند تعلمها، والاهتمام بالجانب الشفهي، وهذا هو الاتجاه، الذي نرجو أن يسلكه مدرس ومحاضر اللغة العربية، وأن يجعل همه الأول، تمكين الطلاب من الحديث بالعربية، لأن العربية لغة اتصال، يفهمها ملايين الناس في العالم، ولا حجة لمن يهمل الجانب الشفهي، ويهتم بالجانب الكتابي، مدعياً أن اللغة العربية الفصيحة لا وجود لها، ولا أحد يتكلمها .

دور الحوار في تعليم اللغة

للحوار أهمية كبيرة في تعليم اللغة، فهو غاية ووسيلة في الوقت نفسه: غاية لأنه الصورة المركزة لمحتويات الدرس، والأساس الذي يمد الطالب بألوان من الجمل والتعبيرات والألفاظ والأصوات، التي يحتاج إليها الطالب، وبخاصة عند التدريب على مهارة الكلام. والحوار وسيلة، لأنه يضم التراكم النحوية والمفردات في مواقف وسياقات مختلفة، تعتمد عليها التدريبات اللغوية لتأخذ بيد الطالب نحو استعمال اللغة وممارستها في التعبير والاتصال. وعلى المدرس أن ينظر إلى الحوار، والتدريبات

مهارة الكلام في المستوى الأول :

في المستوى الأول من تعليم اللغة، تدور تدريبات مهارة الكلام، حول الأسئلة التي يطرحها الكتاب، أو المدرس، أو الطلاب أنفسهم، ويقوم الطلاب بالإجابة عنها. ومن ذلك أيضاً قيام الطلاب بالتدريبات الشفهية، فردياً، وثنائياً، وفي فرق (3/4 طلاب) ثم هناك حفظ الحوارات وتمثيلها. وننصح المدرس بالألا يكلف الطلاب بالكلام عن شيء ليس لديهم علم به، أو ليس لديهم الكفاية اللغوية التي يعبرون بها عن الأفكار التي، تطرح عليهم.

منهج تعلم مهارات النطق والكلام :

إن تعليم اللغة العربية يساعد في انجاز المهام وكسر الحواجز وبناء جسور التواصل بين الطلاب والمحاضرين ، فضلا عن ذلك الشعوب والقبائل ، وكون اللغة العربية وعاء الثقافة الإسلامية وحجر الحفاظ على الهوية الإسلامية فإننا من خلال هذا المشروع نعمل على نشرها من خلال استنطاقنا وتعليمنا لهذه اللغة الحية لجميع الطلاب .

وحول طبيعة المناهج التي تقدمها جامعة العلوم الإسلامية الماليزية للطلاب ، فالجامعة تقدم لهم اللغة بصورة سهلة ومبسطة وتتعاقد مع المحاضرين ذوات الخبرة الطويلة في تعليم اللغة العربية، وتبذل مجهودًا مميزًا حتى تخرج مناهجها بصورة حسنة تلاقي استحسان وقبول متعلم اللغة العربية في هذه الجامعة.

فتعلم اللغة العربية مفتوحة أمام الجميع ، ولا بد أن يجتاز جميع الطلاب لغة الضاد بنجاح في هذه الجامعة ، حيث تقدم لهم المواد وكل المستلزمات الدراسية ، فلا بد أن يجتازوا الطلاب هذه اللغة وتتهيئ الجامعة لهم الأجواء الدراسية المناسبة لتحقيق انجازات مميزة.

وجميع الدارسات على استكمال مسيرتها العطرة في تخريج هؤلاء الطلبة الذين يحملون الكفاءات المتعددة في مختلف الميادين مع اتقانهم لهذه اللغة اتقانًا لفظيًا وعمليًا.

مراحل الاتصال الكلامي

مرحلة الإستماع ، مرحلة التحليل ، مرحلة التركيب ، مرحلة النطق ومن ثم مرحلة الاتصال الكلامي

مجالات مهارات النطق والكلام :

- 1-نطق الأصوات العربية نطقًا صحيحًا .
- 2-التمييز عند النطق ، بين الأصوات المتشابهة تمييزًا واضحًا مثل : ذ ، ز ، ظ ، الخ .
- 3-التمييز عند النطق بين الحركة القصيرة والطويلة .
- 4- تأدية أنواع النبر والتنغيم بطريقة مقبولة من متحدثي العربية .
- 5-نطق الأصوات المتجاوزة نطقًا صحيحًا (مثل : ب، م، و، .. الخ .)
- 6-التعبير عن الأفكار باستخدام الصيغ النحوية المناسبة .
- 7-اختيار التعبيرات المناسبة للمواقف المختلفة .
- 8-استخدام عبارات المجاملة والتحية استخدامًا سليمًا في ضوء فهمه للثقافة العربية .
- 9-استخدام النظام الصحيح لتراكيب الكلمة العربية عند الكلام .
- 10-التعبير عند الحديث ، عن توافر ثروة لفظية ، تمكنه من الاختيار الدقيق للكلمة .
- 11-ترتيب الأفكار ترتيبًا منطقيًا يلتمسه السامع .
- 12- التعبير عن الأفكار بالقدر المناسب من اللغة ، فلا هو بالطويل الممل، ولا هو بالقصير المخل.

- 13- التحدث بشكل متصل ، و مترابط لفترات زمنية مقبولة مما ينبئ عن ثقة بالنفس وقدرة على مواجهة الآخرين .
- 14- نطق الكلمات المنونة نطقاً صحيحاً يميز التنوين عن غيره من الظواهر .
- 15- استخدام الإشارات والإيماءات والحركة غير اللفظية استخداماً معبراً عما يريد توصيله من أفكار .
- 16- التوقف في فترات مناسبة عند الكلام ، عند ما يريد إعادة ترتيب أفكار . أو توضيح شيء منها ، أو مراجعة صياغة بعض ألفاظه .
- 17- الاستجابة لما يدور أمامه من حديث استجابة تلقائية ينوع فيها أشكال التعبير وأنماط التركيب، مما ينبئ عن تحرر من القوالب التقليدية في الكلام.
- 18- التركيز عند الكلام على المعنى وليس على الشكل اللغوي الذي يصوغ فيه هذا المعنى.
- 19- تغيير مجرى الحديث بكفاءة عند ما يتطلب الموقف ذلك.
- 20- حكاية الخبرات الشخصية بطريقة جذابة ومناسبة.
- 21- إلقاء خطبة قصيرة مكتملة العناصر .
- 22- إدارة مناقشة في موضوع معين – وتحديد أدوار الأعضاء المشتركين فيها واستخلاص النتائج من بين الآراء التي يطرحها الأعضاء.
- 1- إدارة حوار تليفوني مع أحد الناطقين بالعربية.

لم تريد أن تتعلم العربية؟ وأي المهارات تريد أن تتعلمها؟

تعلم اللغة العربية يبني جسور التواصل "التعريف بالدين الإسلامي الحنيف" وتعلم اللغة العربية حتى تتمكن من قراءة القرآن الكريم وفهمها عميقاً ودقيقاً ومن ثم تطبيقها في حياتنا اليومية والعمل على منهاج الشريعة الإسلامية ، وكونها وسيلة أساسية في بناء مزيد من جسور التواصل مع الشعوب العربية بصفة عامة، والشعب الماليزي بشكل خاص. ومن خلال هذه اللغة يمكننا التعريف بالإسلام الدعوي والتوعوي واهتمامها بالجاليات الوافدة مسلمين وغير مسلمين وإقامة اللقاءات المحلية والدولية، والمحاضرات والمنتديات العربية بين جميع الشعوب. وأهم من ذلك مسيرة التواصل وعملية الاحتكاك والمحاكاة اللغوية الاتصالية بين جميع شعوب العالم.

ويشير الأستاذ الدكتور تان سري عبد الشكور حاج حسين (رئيس جامعة العلوم الإسلامية الماليزية) في محاورته مع سعادة الأستاذ داتو الدكتور محمد حاج إلياس بأن تعلم اللغة العربية واتقانها لدى الطلبة، لا بد من تشجيع الطلاب على الكلام فيما بينهم، عن طريق منحهم اهتماماً كبيراً عندما يتحدثون، عليهم أن يتكلموا ويمارسوا استخدام هذه اللغة الحية في كل أجواء البيئة المعتادة فمثلاً، في قاعات الكليات والمناقشات، وفي المطاعم، وفي المكتبة، في سكن الطلاب وفي المجالس الرسمية والمناسبات الغير رسمية، حتى يتقنوا مهارة الكلام في حياتهم اليومية، ويضيف سماحة الشيخ الدكتور سالم علوان مفتي بدولة أستراليا بأن على جميع الطلبة ممارسة مهارة الكلام في جميع الأجواء الجامعية ، في داخل الجامعة وخارجها حتى يعتادوا استخدام هذه اللغة ، وأما الأستاذ الدكتور داوود بن بكر (نائب مدير الجامعة للشؤون الأكاديمية والبحث العلمي السابق بالجامعة الإسلامية العالمية) فيشير بأن إتقان اللغة العربية ، لا بد من التعرف و الحوار والكشف عن أسرار هذه اللغة الغنية بمفرداتها ومعانيها المعبرة بالكلم الجامع.

تشجيع الطلاب على الكلام

ينبغي على المدرس تشجيع الطلاب على الكلام، عن طريق منحهم اهتماماً كبيراً عندما يتحدثون، وأن يشعرهم بالاطمئنان، والثقة في أنفسهم، وألا يسخر من الطالب إذا أخطأ، وألا يسمح لزملائه بالسخرية منه. وعليه أن يثني على الطالب، كلما كان أداءه طيباً، وأن يكثر من الابتسام، ويصغي بعناية لما يقوله. إن المطلوب جعل الجو دافئاً في درس الكلام، وتوجيه الطلاب إلى استخدام أسلوب مهذب، عندما يخاطب بعضهم بعضاً.

تصحيح الأخطاء الشفهية

على المدرس ألا يقاطع الطالب أثناء الكلام، لأن ذلك يعوقه عن الاسترسال في الحديث، ويشتت أفكاره، وبخاصة في المستوى الأول. ومن الأفضل أن نميز بين أمرين: الأول؛ الأخطاء التي تفسد الاتصال، وفي هذه الحالة، للمدرس أن يتدخل، وينبه الطالب إلى الخطأ، ويشجعه على تصحيحه بنفسه، ما أمكن. والثاني؛ الأخطاء التي لا تؤثر في فهم الرسالة، ولكنها تتعلق بشكل الرسالة، وهذه لا يلح المدرس عليها في المرحلة الأولى، وإنما يعالجها برفق. إن الطالب يحتاج في بداية الأمر، إلى كثير من التشجيع.

ممارسة الطلاب الكلام مع الطلاب ومع المدرسين والمحاضرين بالعربية

إن أفضل طريقة لتعليم الطلاب الكلام، هي أن نعرضهم لمواقف تدفعهم لتحدث اللغة. والطالب، ليتعلم الكلام، عليه أن يتكلم. ونودّ أن ننبه هنا، إلى أن الطالب لن يتعلم الكلام، إذا ظل المدرس هو الذي يتكلم طول الوقت، والطالب يستمع. ومن هنا، فإن المدرس الكفاء يكون قليل الكلام، أقرب إلى الصمت عند تعليم هذه المهارة، إلا عند عرض النماذج، وإثارة الطلاب للكلام، وتوجيه الأنشطة.

نموذج لخطوات عرض الحوار:

- 1 - التحية: حي الطلاب بتحية الإسلام، وتلق إجاباتهم عليها.
- 2 - إعداد السبورة: اكتب التاريخ، وعنوان الوحدة، أو الدرس، ورقم الصفحة.
- 3 - المراجعة: وتشمل مراجعة الواجب المنزلي، إن وجد، ومراجعة الوحدة، أو الدرس السابق، وتتضمن المراجعة العناصر والمهارات اللغوية، والمحتوى الثقافي.
- 4 - التمهيد للدرس: ناقش الطلاب في الصور المصاحبة للحوار، عن طريق الأسئلة.
- 5- المفردات الجديدة: اختر من المفردات الجديدة، ما تعتقد أن الطلاب لن يفهموا معانيه عن طريق السياق، وسجلها على السبورة، وناقش الطلاب في معانيها.
- 6 - الاستماع والكتب مغلقة: اطلب من الطلاب إغلاق الكتب، والاستماع جيداً. أدر التسجيل، أو أدّ الحوار.

- 7 – الاستماع والكتب مفتوحة: اطلب من الطلاب فتح الكتب، والاستماع جيداً وأدر التسجيل، أو أدّ الحوار.
- 8 – الاستماع والإعادة: اطلب من الطلاب إغلاق الكتب، وإعادة الحوار بعدك جماعياً، ثم قسم الطلاب إلى مجموعات، واطلب من كل مجموعة أن تؤدي جزءاً من الحوار. اختر بعد ذلك طالبين، لأداء الحوار ثنائياً.
- 9 – اطلب من الطلاب أداء الحوار قراءة: جماعياً، وعن طريق المجموعات، وثنائياً.

الملخص والخاتمة:

والحديث عن موقع الاتصال في تعريف اللغة يدفعنا إلى الحديث عن وظائف اللغة، وبيان موقع الاتصال أيضاً منها. فاللغة وسيلة الفرد لقضاء حاجاته، وتنفيذ مطالبه في المجتمع، وبها أيضاً يناقش شؤونه ويستفسر، ويستوضح، وتنمو ثقافته، وتزداد خبراته نتيجة لتفاعله مع البيئة التي ينضوي تحتها. بواسطة اللغة يؤثر الفرد في الآخرين، ويستثير عواطفهم، كما يؤثر في عقولهم. أما فيما يتعلق بالمجتمع، فاللغة هي المستودع لتراثه، والرباط الذي يربط به أبنائه فيوحد كلمتهم، ويجمع بينهم فكراً، وهي الجسر الذي تعبر عليه الأجيال من الماضي إلى الحاضر والمستقبل. وأياً ما كانت تعريفات اللغة، فإن الوظيفة الاتصالية تقف في مقدمة الوظائف للغة. فعند (تشومسكي) أن ثمة وظيفة لغوية اتصالية اجتماعية للغة حتى في الكلام المتمركز حول الذات، وأن الراشد يفكر في المجتمع والآخرين حتى ولو كان وحيداً. وعند (جون ديوي) أن اللغة ليست تعبيراً عن المشاعر والأفكار، وإنما هي بالدرجة الأولى وسيلة اتصال بين أفراد جماعة تؤلف بينهم على صعيد واحد.

LAPORAN AKTIVITI PENGANJURAN BENGKEL /KURSUS / LATIHAN

1. Bengkel Komunikasi Berpengaruh (Tip Tingkatkan Penyampaian dan Motivasi Dalam Kuliah)

Pada 26 Januari 2012 yang lalu, telah diadakan Bengkel Komunikasi Berpengaruh (Tip Tingkatkan Penyampaian dan Motivasi Dalam Kuliah) oleh penceramah jemputan iaitu M.K Fuad bin Hj. Che Ab Razak, Perunding Utama Asas Insan Resources bertempat di Bilik Seminar, Aras 4, Bangunan Perpustakaan, USIM. Bengkel ini telahpun dihadiri oleh 40 orang termasuk warga kerja PIPP sendiri. Penyertaan yang amat menggalakkan bagi bengkel kali ini.

Objektif utama penganjuran bengkel ini adalah untuk menambahkan nilai kemahiran komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran dengan berkongsi tip-tip mudan dan kreatif bagi mewujudkan interaksi yang sihat dalam kuliah. Di samping itu, juga ia bertujuan untuk meningkatkan kemahiran sendiri dalam membina hubungan melalui komunikasi berkesan serta meningkatkan cara untuk lebih mudah mengenali dan mengendalikan pelajar.

Antara pengisian yang boleh diperolehi melalui bengkel tersebut adalah seperti berikut :

- i) **Slot 1:**
DIAGNOSIS KENDIRI (Menilai Gaya dan Kualiti Kemahiran Komunikasi)
- ii) **Slot 2:**
KOMUNIKASI BERINSPIRASI 1 DAN SIMULASI (Kaedah Tingkatkan Keyakinan dan Aura Diri Dalam Komunikasi)
- iii) **Slot 3:**
KOMUNIKASI BERINSPIRASI 2 DAN SIMULASI (Kaedah Komunikasi Persuasive dan Berkesan Dalam Kuliah)

PUSAT INOVASI PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN 2012

2. Kursus Rubrik Bil.1/2012, UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Kursus Rubrik Bil.1/2012, Universiti Sains Islam Malaysia telahpun diadakan pada 16 Februari 2012 kendalikan oleh penceramah jemputan daripada Universiti Kebangsaan Malaysia iaitu Y. Bhg. Dr. Jamil Ahmad, Ketua Latihan Industri, Fakulti Pendidikan, UKM. Seramai 30 peserta dalam USIM. Kursus satu hari tersebut diadakan dengan tujuan untuk memberikan pendedahan kepada pensyarah-pensyarah USIM berkaitan pengukuran tahap Kemahiran Insaniah pelajar dan juga membangunkan rubrik Kemahiran Insaniah USIM supaya menjadi panduan bagi pengukuran pencapaian tahap Kemahiran Insaniah Pelajar oleh pensyarah. Antara lain, ia juga dapat memberikan panduan kepada pensyarah dalam penilaian dalam hasil kerja kepada pelajar dan juga bagi mempermudah pensyarah menilai prestasi pelajar dan mendorong mereka mencapai prestasi secara optimal. Peserta kursus turut melahirkan rasa berpuas hati di atas penyampaian yang diberikan oleh penceramah jemputan dan ternyata objektif penganjuran kursus pada hari tersebut dapat dicapai dengan jayanya. Kursus tersebut ditamatkan pada jam 5.00 petang.

3. Kursus Metodologi Penyelidikan Staf Akademik Bakal Bercuti Belajar Bil.1/2012

Pada 14 hingga 25 Mei 2012 telahpun diadakan Kursus Metodologi Penyelidikan Staf Akademik Bakal Bercuti Belajar Bil.1/2012 bertempat di Nilai Springs Resort Hotel. Seramai 20 orang peserta telahpun menghadiri kursus berkaitan dengan tujuan untuk membimbing dan memberi panduan, pendedahan secara keyakinan mengenai proses penyelidikan kepada para peserta kursus untuk lebih bersedia mengikuti pengajian di peringkat pasca-sarjana muda atau sarjan kedoktoran, khususnya pengajian yang berbentuk penyelidikan dan tesis sepenuhnya. Disamping itu, ia juga membantu para peserta untuk meningkatkan kemahiran terhadap kaedah penyelidikan yang terkini menerusi pendedahan kepada pelbagai kaedah atau pendekatan penyelidikan termasuklah pendekatan empiris (kuantitatif) dan kualitatif. Antara lainya pula ialah memberikan makluman kepada peserta kursus

berkenaan tatacara pengurusan penyelidikan khususnya bagi perkara-perkara yang berkaitan seperti peraturan cuti belajar, hubungan penyelia, laporan prestasi dan kemajuan penyelidikan dan melatih peserta untuk menyediakan cadangan penyelidikan yang sempurna dan berkualiti di peringkat pasca-siswazah bagi tujuan mendapatkan tempat pengajian dan biasiswa cuti belajar. Penceramah kursus terdiri daripada jemputan luar iaitu wakil daripada Kementerian Pengajian Tinggi (Bahagian Biasiswa & SLAB) yang akan mengupas persoalan mengenai tatacara permohonan biasiswa pelajar yang akan bercuti belajar di dalam mahupun di luar negara. Turut menjayakan kursus berkenaan adalah wakil daripada Bahagian Sumber Manusia dan juga pensyarah dalam USIM yang berkaliber dalam bidang berkaitan.

4. Kursus Asas Pembelajaran dan Pengajaran Staf Akademik Bil.1/2012

Kursus Asas Pembelajaran dan Pengajaran Staf Akademik Bil.1/2012 telahpun diadakan dengan jayanya bermula pada 25 Jun hingga 23 Julai 2012 mengikut pencahan modul pembelajaran dan pengajaran seperti berikut:

- Modul 1 : Pembelajaran Pengajian Tinggi
- Modul 2 : Memahami Pelajar di USIM
- Modul 3 : Reka Bentuk Kurikulum Pengajian Tinggi
- Modul 4 : Pembelajaran dan Pengajaran Berkesan
- Modul 5 : Penaksiran Pembelajaran
- Modul 6 : Projek
- Modul 7 : Amalan Profesional

Ketujuh-tujuh modul kursus ini telahpun disampaikan oleh tenaga pakar dalam USIM seperti mana yang telahpun digariskan di dalam Buku Modul Kursus Asas Pembelajaran dan Pengajaran (P&P) yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Matlamat utama kursus tersebut adalah untuk membimbing dan memberi panduan, pendedahan serta keyakinan kepada staf Akademik USIM dalam melahirkan graduan yang berkualiti tinggi serta menepati keperluan sumber manusia negara, meningkatkan kemahiran pengajaran Staf Akademik USIM menerusi kaedah-kaedah serta teknik-teknik pembelajaran dan pengajaran yang terkini, efektif serta berkesan dan seterusnya membantu penjaminan kualiti perkhidmatan Pengajian Tinggi Negara selaras dengan garis panduan PSPTN. Seramai 50 orang peserta dalam USIM telahpun mengikuti kursus ini dan secara keseluruhannya objektif kursus berkenaan dapat dicapai sepenuhnya dengan komitmen serta kesungguhan yang diberikan oleh setiap peserta kursus selama program tersebut berlangsung.

5. Bengkel Pembangunan Akademik II

Pada 14 September 2012 PIPP telahpun menganjurkan Bengkel Pembangunan Akademik II bertempat di Nilai Spring Resort Hotel. Seramai 50 orang peserta telahpun mengikuti bengkel berkenaan dengan tujuan untuk melihat status terkini perancangan pembangunan program baharu dan Fakulti / Pusat baharu sehingga tahun 2020, mengenal pasti perancangan pembangunan program akademik yang mempunyai reka bentuk dan penyampaian kurikulum yang bersifat integrasi bidang Sains dan bidang Sastera yang akan dibangunkan dan membantu pihak fakulti / pusat dalam perancangan tersebut agar selari dengan keperluan MQA dan KPT. Antara peserta yang terlibat ialah Dekan-dekan, Timbalan-timbalan Dekan (Akademik dan Penyelidikan), Pengarah-pengarah Pusat Akademik, Ketua-ketua Program Akademik dan beberapa Pusat Tanggungjawab seperti Perpustakaan, JPPF, Jabatan Pendaftar, Jabatan Bendahari, GOALS Centre dan juga Bahagian BPPS. Bengkel ini telahpun dikendalikan sepenuhnya oleh Y. Bhg. Prof. Musa Ahmad, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) USIM.

6. Kursus Penyediaan Soalan Bil.1/2012

Kursus Penyediaan Soalan Bil.1/2012 telahpun berjaya dilaksanakan pada 17 Oktober 2012 bertempat di Bilik Latihan Dataran Selera, USIM. Seramai 30 orang telahpun mengikuti kursus ini yang mana objektif utamanya adalah untuk memberikan penerangan dan panduan kepada Staf Akademik USIM berkenaan keperluan serta kepentingan penyediaan soalan-soalan peperiksaan yang berkualiti serta memenuhi piawaian yang ditetapkan serta membimbing Staf Akademik USIM tentang kaedah-kaedah/teknik-teknik dalam merancang, merekabentuk dan menulis soalan-soalan peperiksaan yang berkualiti serta memenuhi keperluan serta kriteria-kriteria kurikulum dalam pembelajaran dan pengajaran Universiti. Kursus ini telahpun dikendalikan sepenuhnya oleh Y. Bhg. Prof. Madya Dr. Bhasah Abu Bakar, Profesor Madya, Fakulti Pengajian Bahasa Utama dan diakhiri penutupnya oleh Y. Brs. Dr. Che Wan Zanariah Che Wan Ngah, Pengarah PIPP.

7. Kursus Penaksiran Soalan Bil.1/2012

Pada 18 Oktober 2012 telahpun diadakan Kursus Penaksiran Soalan Bil.1/2012 bertempat di Fakulti Ekonomi dan Muamalat. Seramai 30 orang pensyarah dalam USIM telahpun menghadiri kursus tersebut. Sesi kursus pada kali ini telahpun dikendalikan sepenuhnya

oleh Y. Bhg. Prof. Madya Dr. Bhasah Abu Bakar, Profesor Madya, Fakulti Pengajian Bahasa Utama. Antara objektif utama penganjuran kursus berkaitan adalah untuk memberikan penerangan dan panduan kepada Staf Akademik USIM berkenaan keperluan serta kepentingan penaksiran soalan-soalan peperiksaan yang berkualiti serta memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh Universiti, melahirkan Staf Akademik USIM yang mahir tentang kaedah-kaedah/teknik-teknik dalam merancang, merekabentuk dan menulis penaksiran yang berkualiti serta memenuhi keperluan serta kriteria-kriteria kurikulum dalam pembelajaran dan pengajaran Universiti. Kursus ini meliputi sesi taklimat, sesi soal jawab dan juga latihan praktikal.

8. Kursus Penilaian Afektif dan Kognitif Bil.1/2012

Kursus Penilaian Afektif dan Kognitif Bil.1/2012 telahpun dianjurkan pada 23 hingga 24 Oktober 2012 dengan dihadiri seramai 20 orang pensyarah USIM bertempat di Bilik Latihan, Dataran Selera USIM. Tujuan diadakan kursus ini adalah untuk membimbing Staf Akademik USIM tentang kaedah-kaedah/teknik-teknik Penilaian Afektif terhadap pelajar yang meliputi aspek motivasi, perasaan, emosi, sikap serta kepercayaan dalam aktiviti pembelajaran dan pengajaran Universiti serta membudayakan Penilaian Afektif sebagai salah satu kaedah penilaian pelajar yang digunakan oleh Staf Akademik USIM bagi meningkatkan lagi kualiti penyampaian pengajaran. Peserta secara keseluruhannya melahirkan rasa berpuas hati dengan input yang disampaikan oleh penceramah dalaman USIM iaitu Y. Bhg. Prof. Madya Dr. Bhasah Abu Bakar, Profesor Madya, Fakulti Pengajian Bahasa Utama.

9. Kursus Action Research

Pada 01 November 2012 telahpun diadakan Kursus Action Research yang bertujuan untuk memberikan kefahaman kepada Staf Akademik berkenaan konsep dan metodologi dalam melaksanakan program action research, meningkatkan kemahiran dan keperluan staf Akademik dalam mengenal pasti masalah dan kaedah penyelesaiannya semasa mengimlimentasi *action research* serta melahirkan staf akademik yang mahir dalam menyediakan pelan tindakan dan kertas cadangan yang berkualiti untuk *action research*. Seramai 20 orang peserta telahpun berjaya menghadiri kursus yang dikendalikan oleh Y. Bhg. Dr. Kamaruzaman Moidunny, Pensyarah Kanan di Jabatan Pembangunan Pengurus,

Pemimpin dan Eksekutif Pendidikan di Institut Aminuddin Baki, Kementerian Pelajaran Malaysia. Antara pengisian kursus tersebut adalah seperti berikut:

- i) **Sesi 1 :**
Concept and Action Research Methodology
- ii) **Sesi 2 :**
Action Research Implementation
- iii) **Sesi 3 :**
Latihan Praktikal
- iv) **Sesi 4 :**
Group Presentation

Kesemua peserta berpuas hati dengan penyampaian yang disampaikan oleh penceramah dan berharap agar kursus ini akan diadakan secara berkala oleh pihak PIPP bagi mencapai objektif sebenar kursus tersebut.

10. Program Perkongsian Ilmu Bersama Y. Bhg. Prof. Dr. Jeffry P. Shay (President Of North American Case Research Association)

Pada 14 Disember 2012 telahpun diadakan Program Perkongsian Ilmu bersama Y. Bhg. Dr. Dr. Jeffry P. Shay (President Of North American Case Research Association) bertempat di Fakulti Ekonomi dan Muamalat bagi menyampaikan maklumat berkaitan dengan kajian kes serta memberi kesedaran tentang kaedah penulisan kes dalam pengajaran dan pembelajaran di USIM khususnya. Program ini telahpun dihadiri seramai 300 orang peserta yang terdiri daripada Dekan-dekan, Ketua-ketua Program Fakulti, Pensyarah dan juga pelajar USIM. Antara pengisian program berkenaan adalah seperti berikut:

- i) **Sesi 1 :**
The Trend And Future Case Writing For Training Purposes
- ii) **Sesi 2 :**
Sesi Soal Jawab

PROGRAM MUHIBAH KERJASAMA ANTARA PIPP DAN USIM TIJARAH HOLDINGS SDN. BHD.

Pada 18 Februari 2012, PIPP dengan kerjasama USIM Tjjarah Holdings Sdn. Bhd. telahpun mengadakan Program Muhibah dengan bertemakan "Semangat Toleransi Membawa Kepada Kecemerlangan Organisasi" Seramai 30 orang peserta telahpun mengikuti program ini yang terdiri daripada 20 orang staf PIPP dan selebihnya pula adalah daripada staf USIM Tjjarah. Turut hadir bersama adalah ahli keluarga bagi kesemua peserta program. Antara aktiviti utama yang dijalankan ialah aktiviti bergotong royong membersihkan kawasan sekitar pejabat PIPP dan USIM Tjjarah, bilik Pengarah PIPP, bilik gerakan, bilik fail dan bilik solat. Kerja-kerja bagi pemungahan bilik stor turut dijalankan bagi memberikan ruang keselesaan untuk menyimpan barang-barang latihan PIPP. Di samping itu, turut diadakan acara barbeque yang mana juga ianya merupakan acara kemuncak dimana kesemua peserta yang terlibat bekerjasama untuk aktiviti memasak. Bagi acara kanak-kanak pula telahpun diadakan acara memotong kek bagi kelahiran pada bulan Februari 2012. Acara selesai pada jam 3.00 petang dan rata-rata peserta melahirkan rasa gembira dengan aktiviti yang telahpun diadakan.

MAJLIS IFTAR RAMADHAN DAN SOLAT TERAWIH PERINGKAT PUSAT KOMERSIAL (GABUNGAN PUSAT INOVASI PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN, PUSAT HUBUNGAN INDUSTRI DAN PENGKOMERSIALAN, PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN, PUSAT PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN SISWA, GOAL CENTRE DAN USIM TIJARAH HOLDINGS SDN. BHD.

15 Ogos 2012 bertempat di Kolej Kediaman 1, USIM telahpun diadakan Program Majlis Iftar Ramadhan dan Solat Terawih Peringkat Pusat Komersial (gabungan PIPP, PHIP, PPP, PKS, GOAL Centre & USIM Tjjarah Holdings Sdn. Bhd. Seramai

lebih kurang 100 orang termasuk ahli keluarga telahpun hadir bersama ke majlis tersebut bagi menjayakan program yang penuh keberkatan ini. Antara objektif utama penganjuran program ini adalah seperti berikut:

- i. Merapatkan ukhuwwah antara kakitangan di Pusat Komersial
- ii. Memanfaatkan Bulan Ramadhan dengan menghidupkan malamnya dengan berterawih
- iii. Memberi peluang untuk bersedekah

Program ini dimulakan seawal jam 6.30 petang iaitu sesi Tazkirah Ramadhan yang telahpun disampaikan oleh Y. Berusaha Tn. Hj. Mazlan Nawang, Timbalan Pendaftar, Pusat Inovasi Pembelajaran dan Pengajaran. Majlis diteruskan lagi dengan majlis berbuka puasa serta sembahyang Solat Maghrib secara berjemaah. Antara pengisian lain ialah sesi tayangan video pendek "Ramadhan Semarak Kasih Sayang Terhadap Pencipta" dan diakhiri dengan solat Terawih juga secara berjemaah. Program berakhir pada jam 11.00 malam.

BENKEL RETREAT DAN TEAM BUILDING BAGI KAKITANGAN PUSAT INOVASI PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN (PIPP) DENGAN KERJASAMA GLOBAL OPEN ACCESS LEARNING CENTRE (GOAL CENTRE)

Bengkel Retreat Dan Team Building Bagi Kakitangan Pusat Inovasi Pembelajaran Dan Pengajaran (PIPP) Dengan Kerjasama Global Open Access Learning Centre (GOAL CENTRE) telahpun dianjurkan pada 29, 30 November hingga 01 Disember 2012 bertempat di Langkawi Seaview Hotel, Langkawi, Kedah Darul Aman. Bengkel 3 hari ini antara tujuan utamanya adalah seperti berikut:

- Memberikan penjelasan tentang prosedur-prosedur utama, arahan pekeliling serta panduan yang berkaitan terhadap



kemajuan organisasi.

- Memberi kefahaman mengenai kaedah pengurusan serta keperluan-keperluan asas dan khusus dalam perkhidmatan.
- Memupuk budaya dan etika kerja cemerlang dalam kalangan peserta.
- Memupuk sifat bertanggungjawab terhadap organisasi.
- Mengenal pasti nilai-nilai positif diri di dalam pekerjaan dan mengaplikasikan sikap-sikap murni tersebut ke arah kecemerlangan organisasi.
- Memupuk semangat kerja secara berpasukan serta dapat mengatur strategi untuk kejayaan diri dan organisasi.
- Melatih diri untuk berkomunikasi dengan lebih berkesan dan mempunyai pengayaan diri atau imej peribadi yang profesional.
- Memberi sumbangan yang bermakna di dalam memajukan diri dan

Manakala kandungan program adalah seperti di bawah:

- Sesi Pengenalan : Apa itu Pekerjaan dan Organisasi?
- Memahami Prosedur-prosedur Utama, Pekeliling-pekeliiling serta Panduan Kerja Bagi Meningkatkan Kecemerlangan Diri dan Organisasi
- Harapan Majikan Terhadap Pekerja
- Konsep dan Keadaan Kerja
- Sesi Percambahan Fikiran (Brain Storming) secara santai
- Membentuk Peribadi Positif di Tempat Kerja
- Pengayaan Diri Dalam Imej Peribadi Yang Profesional
- Kerja Berpasukan (Team Building) dan telematch

Sepanjang program berlangsung, peserta telahpun didedahkan acara latihan dalam kumpulan, brief stoming oleh Pengarah PIPP dan GOAL Centre serta acara sukaneka bagi peserta dan juga ahli keluarga. Disebelah malamnya pula telahpun diadakan Majlis Makan Malam beserta Majlis Penyerahan Sijil bagi staf contoh bulanan PIPP dan juga GOAL Centre. Acara pemotongan kek turut diadakan bagi meraikan kakitangan yang menyambut hari lahir bermula daripada Jun hingga Disember 2012.

PROGRAM SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI PERINGKAT UNIVERSITI

Pada 07 September 2012 telahpun berlangsung sambutan Hari Raya Aidilfitri peringkat Universiti bertempat di Stadium Tertutup Nilai. Pusat Inovasi Pembelajaran dan Pengajaran dengan gabungan Pusat Pengurusan Persidangan, Pusat Hubungan Industri dan Pengkomersialan, Pusat Pembangunan Keusahawanan Siswa dan Pusat Pembelajaran Akses Terbuka Global telahpun disatukan bagi mewakili Pusat Komersial

dalam menjayakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri tersebut. Antara menu yang disajikan ialah seperti minuman koktail, teh panas, sirap bandung, jus laici dan ais krim walls. Bagi memeriahkan lagi sambutan hari raya, setiap gerai diminta untuk menyediakan dekorasi yang bersesuaian berdasarkan kepada tema perayaan pada tahun tersebut iaitu "Syawal Islamik, USIM Dinamik". Gabungan Pusat Komersial turut memenangi tempat pertama dalam 2 kategori pertandingan iaitu persembahan nyanyian lagu raya terbaik dan gerai tercantik 2012.

PROGRAM SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI PERINGKAT PUSAT KOMERSIAL

Pada 10 September 2012 bersamaan dengan 23 Syawal 1433H telahpun diadakan Program Sambutan Hari Raya Aidilfitri Peringkat Pusat Komersial. Dianggarkan seramai 100 orang telahpun membanjiri Pusat Komersial bagi meraikan program hari raya tersebut. Antara yang terlibat ialah kakitangan Pusat Inovasi Pembelajaran dan Pengajaran, Pusat Hubungan Industri dan Pengkomersialan, Pusat Pengurusan Penyelidikan, Pusat Pembangunan Keusahawanan Siswa, Pusat Pembelajaran Akses Terbuka, Kedai Koperasi USIM, USIM Tijarah Holdings Sdn. Bhd., Pegawai-pegawai Tertinggi Universiti, Pengusaha-pengusaha gerai di Pusat Komersial dan juga Pekerja Pembersihan di Pusat Komersial. Antara juadah yang disajikan adalah seperti set nasi beriani, set laksa penang, set nasi impit beserta satay, kuih-muih, kerepek-kerepek, jus kordial dan juga buah-buahan tempatan. Dalam masa yang sama, turut diadakan persembahan penyampaian lagu hari raya oleh kakitangan di Pusat Komersial.

PROGRAM MAULIDUR RASUL PERINGKAT UNIVERSITI

Pada 08 Mac 2012, bertempat di Stadium Tertutup Nilai, telah berlangsung Program Majlis Sambutan dan Perarakan Maulidur Rasul 1433H peringkat Universiti. Seramai 22 kontijen yang terdiri daripada semua fakulti, jabatan dan badan pergerakan pelajar telahpun menyertai aktiviti perarakan pada hari tersebut. Perarakan pada jam 8.30 pagi di padang Pavilion dan berakhir di Stadium Tertutup Nilai. Program mulia ini diadakan bersempena dengan memperingati kelahiran keputeraan Nabi Muhamad S.A.W. serta perjuangannya dalam menyebarkan agama Islam Dengan bertemakan "Persefahaman Asas Perpaduan Ummah". Antara acara lain yang turut diadakan adalah seperti bacaan ayat-ayat Al-Quran oleh pelajar, ceramah, sketsa, nyanyian nasyid oleh pelajar serta pertandingan perarakan dan juga pakaian beragam.

5 Soalan- Soalan Lazim

Farhan Mustafa

Penolong Pendaftar,
Unit Kelayakan dan pengiktirafan, Pusat Inovasi
Pembelajaran dan Pengajaran, USIM

1. Apakah perbezaan antara Akreditasi dan Pengiktirafan?

Akreditasi merupakan satu bentuk pengesahan kualiti terhadap sesuatu program pengajian berdasarkan kepada standard-standard akademik.

Pengiktirafan pula bermaksud penerimaan satu-satu kelayakan oleh pihak-pihak tertentu bagi tujuan tertentu. Tujuan ini boleh dalam bentuk pengambilan pekerja, pemberian bantuan-bantuan pendidikan, peluang melanjutkan pengajian, amalan professional dan sebagainya. Adalah menjadi kelaziman akreditasi oleh pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) menjadi salah satu perkara yang diambil kira oleh pihak-pihak ini. Contoh-contoh pengiktirafan dengan tujuan khusus adalah seperti berikut:

1. Pengiktirafan bagi menyertai perkhidmatan awam oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
2. Pengkelan kelulusan terhadap program oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)
3. Peluang mendapatkan pinjaman pengajian yang dikendalikan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

2. Apakah yang dimaksudkan dengan Akreditasi Program?

Akreditasi program dikategorikan kepada dua (2) iaitu Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh. Akreditasi Sementara adalah satu perlakuan penilaian untuk memastikan sama ada sesuatu program itu telah menepati keperluan kualiti minimum sebelum dianugerahkan Akreditasi Penuh. Manakala Akreditasi Penuh merupakan satu aktiviti penilaian untuk memastikan bahawa kegiatan pengajaran, pembelajaran dan semua aktiviti lain yang berkaitan dengan sesuatu program yang ditawarkan oleh universiti telah menepati standard kualiti dan mematuhi Kerangka Kelayakan Malaysia.

3. Apakah yang dimaksudkan dengan Akreditasi Provisional?

Akreditasi Provisional atau akreditasi sementara ini adalah satu perlakuan penilaian untuk memastikan sama ada sesuatu program itu telah menepati keperluan kualiti minimum sebelum dianugerahkan Akreditasi Penuh

4. Apakah tempoh masa yang sesuai dilaksanakan semakan semula kurikulum bagi program pengajian yang sedang ditawarkan?

Aktiviti semakan semula kurikulum program hendaklah dilaksanakan selepas kohort pertama pelajar bergraduasi serta program akademik yang telah ditawarkan melebihi tiga (3) hingga lima (5) tahun penawarannya. Ini bertujuan untuk memastikan program yang ditawarkan dapat melahirkan graduan yang berkualiti dan memenuhi keperluan industri atau badan professional yang berkaitan dengan aspirasi dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

5. Apakah Kerangka Kelayakan Malaysia?

Kerangka Kelayakan Malaysia ialah satu instrumen yang mengklasifikasikan kelayakan yang berdasarkan satu set kriteria yang diperakui di peringkat kebangsaan dan ditanda aras dengan amalan terbaik antarabangsa.